



kenyataan akhbar

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA

PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN

Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan **YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Hj Bakar** sebagai **Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan** mulai **12 Jun 2018**.

2. **YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Hj Bakar**, berkelulusan **Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya, Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Doktor Falsafah dari *University of Hull, United Kingdom***. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 32 tahun apabila mula menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada **13 Januari 1986**. Beliau berpengalaman luas dalam bidang pengurusan ekonomi dan kewangan menerusi karier perkhidmatan antaranya sebagai:

- Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan;

- Pengarah Belanjawan, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan; dan
- Penasihat Kanan, Ibu Pejabat Bank Dunia, Washington D.C.

3. Saya percaya dengan pengetahuan, pengalaman dan kredibiliti yang dimiliki oleh **YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Hj Bakar** akan membolehkan beliau melaksanakan tanggungjawab ini dengan berkesan dan mampu meneruskan visi Kementerian Kewangan sebagai peneraju strategik keberhasilan kewangan dan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan mampan demi kemakmuran rakyat dan negara.



(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)

Ketua Setiausaha Negara

12 Jun 2018